

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	21 JANUARY 2017

Tun M banyak buat kenyataan fitnah

BH - 21/1/2017

➔ PM anggap 'U-Turn Mahathir' tiada pendirian, kerap ubah pandangan

Oleh Mohd Azrone Sarabatin
azrone@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak semalam menggelarkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai 'U-Turn Mahathir' kerana terlalu banyak membuat kenyataan palsu, fitnah dan mengubah pandangan akibat sering membuat pusingan U.

Beliau berkata, pendirian Dr Mahathir merestui jawatan Timbalan Perdana Menteri diserahkan kepada DAP tidak masuk akal kerana selama 22 tahun beliau menuduh Penasihat DAP, Lim Kit Siang sebagai cauvenis dan anti-Islam, tetapi kini pendirian itu berubah.

Katanya, apa yang berlaku, beliau sanggup mengorbankan jawatan yang selama ini dipegang Melayu, sekali gus tidak boleh diharap membela masa depan bangsa.

"Jangan kerana politik kita buat perhubungan macam ini (mengorbankan jawatan hak Melayu)," katanya berucap merasmikan program Jom Bantu Rakyat di Desa Pandan di sini, semalam.

DAP mahu jawatan TPM

Baru-baru ini, Dr Mahathir yang juga Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) mengesahkan DAP mahu jawatan Timbalan Perdana Menteri sekiranya 'pakatan pembangkang menang Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-14.

Najib berkata, Dr Mahathir juga membuat kenyataan palsu dan fitnah besar kepada kerajaan Johor

dan Malaysia kononnya memberi kewarganegaraan kepada rakyat China dalam projek Forest City di Johor Bahru.

"Ini Dr Mahathir saya gelar dia U-Turn Mahathir, bukan Tun Mahathir, (dia) selalu, terlalu banyak u-turn membuat kenyataan palsu dan fitnah besar kepada Kerajaan Johor dan Malaysia kononnya bagi kewarganegaraan kepada mereka (warganegara China)," katanya.

Nafi bawa masuk warga China

Perdana Menteri turut menafikan dakwaan bekas Perdana Menteri kononnya seramai 700,000 warga China akan dibawa masuk ke Johor menerusi projek Forest City dan diberi kewarganegaraan.

Katanya, warga China yang menyertai program 'Malaysia My Second Home' juga tidak berhak

mendapat kerakyatan Malaysia walaupun mereka menetap di negara ini.

Dr Mahathir sebelum ini dilaporkan mendakwa warga China yang ke Johor itu akan diberi kad pengenalan bagi membolehkan mereka mengundi pada pilihan raya umum akan datang.

Sementara itu, tiga keluarga penghuni Flat Desa Pandan Blok B, di sini menerima kejutan Najib, selepas berucap merasmikan program Jom Bantu Rakyat di Desa Pandan.

Seorang penduduk, Zairy Sulaiman, 40, berkata, beliau amat terkejut dan tidak menyangka dikunjungi Perdana Menteri.

"Ini kejutan besar dalam hidup saya, tak sangka impian sejak kecil dikunjungi Perdana Menteri menjadi kenyataan," katanya.